



**Datuk Muhamad Umar Swift**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

## Para Pemegang Saham yang dihormati,

Pada tahun 2023, tema yang sama dari tahun sebelumnya, seperti ketegangan geopolitik dan pengetatan dasar monetari terus berlanjutan dan mendominasi tajuk utama pasaran, yang menunjuk ke arah pelbagai cabaran pertumbuhan kompleks yang dihadapi oleh ekonomi dunia. Namun begitu, Bursa Malaysia terus berusaha untuk menyampaikan inisiatif strategik kami yang kalis masa depan dan berdaya tahan agar pasaran kami lebih utuh.

---

Tahun 2023 menandakan tahun akhir Pelan Hala Tuju Strategik 2021-2023 kami. Pada masa Pelan Hala Tuju Strategik ini diperkenalkan buat kali pertama, kami menyatakan bahawa inisiatif yang terkandung di dalamnya adalah bertujuan untuk kami membina asas untuk mengembangkan Bursa Malaysia sebagai Bursa Pelbagai Aset dan bergerak maju ke arah visi kami untuk menjadi Pasaran ASEAN yang mendahului, mampan dan saling berkait di peringkat global (*ASEAN's leading, sustainable and globally-connected marketplace*).

## Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa kami telah melaksanakan rancangan kami dengan pencapaian dalam ketiga-tiga Strategi Teras di bawah Pelan Hala Tuju Strategik tersebut. Kami telah memperluas pilihan pengumpulan dana bagi perniagaan, mempertingkatkan ekosistem pasaran untuk lebih mudah didagangkan, dan memperkukuh amalan-amalan kemampunan serta pendedahan oleh syarikat tersenarai kami. Sementara itu, kami telah mempertingkatkan pendidikan, kesedaran dan bilangan produk untuk pelabur runcit.

Pencapaian kami sepanjang tiga tahun lepas telah menetapkan latar belakang yang kukuh berkenaan perjalanan pertumbuhan kami. Untuk fasa seterusnya, Pelan Hala Tuju Strategik bagi tempoh 2024-2026 yang baharu diperkenalkan telah menggariskan tumpuan untuk mengukuhkan kedudukan kami sebagai Bursa Pelbagai Aset bagi menjana nilai yang lebih besar untuk semua pihak berkepentingan. Keutamaan strategik ini telah disertakan di dalam laporan ini, dan saya menjemput anda untuk mengkaji mereka dengan teliti supaya lebih memahami arah tuju dan cadangan nilai kami.

### Ulasan Persekitaran Operasi

Pada separuh pertama tahun 2023, pasaran domestik berhadapan dengan tekanan yang ketara terutamanya disebabkan oleh keresahan pelabur berkaitan kegagalan beberapa buah bank kecil Amerika Syarikat yang mencetus kebimbangan terhadap sektor perbankan keseluruhannya serta kemungkinan berlakunya risiko sistemik. Ditambah pula dengan pengetatan dasar monetari yang bertujuan untuk membendung inflasi serta kelembapan dalam ekonomi global utama, kebimbangan para pelabur merebak ke seluruh dunia, dan mencetuskan pemindahan modal ke aset yang lebih selamat.

Walau pun begitu, perubahan ketara telah berlaku pada separuh kedua tahun 2023. Sentimen pelabur bertambah baik didorong oleh keyakinan bahawa pengenalan pelan dasar dan strategik nasional yang baharu, seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan, NIMP), akan menjadi dorongan baharu untuk mengukuhkan trajektori pertumbuhan Malaysia. Keyakinan ini juga didorong oleh jangkaan pasaran bahawa kitaran kadar faedah telah memuncak, mengurangkan kebimbangan ke atas pendaratan yang sukar bagi beberapa ekonomi utama.



**Bursa Malaysia sekali lagi memberikan prestasi kewangan yang mantap bagi tahun 2023. Keputusan ini dapat dicapai kerana sumbangan dan sokongan berterusan pihak berkepentingan kami, termasuk dedikasi dan usaha kakitangan kami.**



Penilaian yang agak menarik mengenai indeks tanda aras FBMKLCI menunjukkan peluang peningkatan yang berpotensi bagi para pelabur dan ini mendorong minat pembelian. Tambahan lagi, pengurangan kadar duti setem pada 13 Julai 2023 — daripada 0.15% kepada 0.10% dan dihadkan pada RM1,000 bagi setiap kontrak — mendorong minat pelabur kerana ini mengurangkan kos transaksi, dan memberi manfaat terutamanya kepada pelabur runcit yang sensitif terhadap kos.

Prestasi pasaran bagi tahun 2023 merupakan dua kisah berbeza: setelah merosot sebanyak 7.9% pada separuh pertama tahun 2023, tanda aras FBMKLCI kemudian meningkat 5.7% antara bulan Julai dan Disember 2023. FBMKLCI mengakhiri tahun 2023 dengan lebih rendah tahun-ke-tahun (yoy) sebanyak 2.7%, walaupun keseluruhan permodalan pasaran berkembang sebanyak 3.5% kepada RM1,796.4 bilion pada akhir tahun 2023 (2022: RM1,736.2 bilion).

### Ulasan Prestasi Kewangan

Bursa Malaysia mencatatkan keuntungan selepas cukai, zakat dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM252.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (2022: RM226.6 juta), mewakili peningkatan yoy sebanyak 11.4%, terutamanya disebabkan oleh peningkatan hasil operasi sebanyak 1.3% kepada RM592.8 juta (2022: RM585.3 juta).

Belanja operasi meningkat sedikit sebanyak 0.6% kepada RM294.5 juta, di sebabkan kos teknologi dan pekerja yang tinggi telah diimbangi sebahagiannya oleh pembalikan peruntukan *one-off* berjumlah RM31.4 juta.

Pada tahun 2023, Pasaran Sekuriti telah berdepan dengan cabaran halangan luaran yang berterusan sehingga membebani sentimen pelabur. Pengetatan dasar monetari dan ketidaktentuan konflik geopolitik menyebabkan selera pelabur terhadap ekuiti konvensional dan patuh Syariah terjejas, sementara kenaikan kadar faedah menjadikan kelas aset berisiko rendah seperti simpanan tetap lebih menarik. Walaupun sentimen dagangan bertambah baik pada separuh kedua tahun 2023, prestasi pasaran keseluruhannya adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

ADV Pasaran Sekuriti bagi transaksi dalam pasaran sebanyak RM2.06 bilion ialah 0.6% lebih rendah daripada RM2.07 bilion yang dicatatkan pada tahun 2022. Pelabur institusi asing meningkatkan penyertaan mereka kepada 29.2% (2022: 26.8%) tetapi mengakhiri tahun sebagai penjual bersih, sementara institusi tempatan mencatatkan jumlah keseluruhan belian bersih sebanyak RM3.18 bilion walaupun dengan penyertaan yang lebih rendah sebanyak 31.9% (2022: 35.1%). Bagi IPO, sebanyak 32 IPOs telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 2023, menambah sebanyak RM13.6 bilion dalam permodalan pasaran semasa penyenaian (2022: 35 IPOs dengan permodalan pasaran semasa penyenaian sebanyak RM11.2 bilion). Ini adalah lebih rendah daripada sasaran kami sebanyak 39 IPOs, terutamanya disebabkan oleh penyenaian yang kurang daripada yang dijangkakan di Pasaran LEAP. Namun begitu, kami mencapai permodalan pasaran IPO yang lebih tinggi berbanding sasaran kami sebanyak RM10.0 bilion pada tahun 2023.

Dagangan di Pasaran Derivatif menurun daripada rekod tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2022. Dagangan Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (Crude Palm Oil Futures, FCPO) adalah sederhana pada tahun 2023 berikutan pemulihan dalam pengeluaran CPO, dan seterusnya mengurangkan turun naik harga CPO. ADC turun 7.3% kepada 72,896 kontrak (2022: 78,621 kontrak). Ini sebahagiannya diimbangi oleh aktiviti yang lebih besar dalam dagangan Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FTSE Bursa Malaysia KLCI Futures), yang mencatatkan jumlah dagangan harian tertinggi sebanyak 73,056 kontrak dan minat terbuka (open interest) sebanyak 74,778 kontrak pada 27 Oktober 2023. Secara keseluruhan, jumlah kontrak yang didagangkan di Pasaran Derivatif adalah lebih rendah pada 17,786,648 kontrak (2022: 19,105,019 kontrak). Sementara itu, kami teruja melihat minat yang berterusan dalam produk derivatif, melalui Persidangan dan Pameran Tinjauan Harga Minyak Sawit dan Laurik (Palm and Lauric Oils Price Outlook Conference & Exhibition, POC) terunggul kami dan POC 2023 Malaysia Timur yang kedua telah mencatatkan kehadiran lebih daripada 2,400 orang peserta dari lebih 50 buah negara.

Bagi platform dagangan komoditi BSAS pula, kami melihat pertambahan sebanyak 8.9% dalam bilangan peserta tempatan dan asing, menjadikan bilangan keseluruhan peserta BSAS kepada 354 (2022: 325 peserta) dan seterusnya meletakkan kami di atas landasan yang kukuh untuk pertumbuhan masa hadapan. Peluasan penawaran perkhidmatan kami kepada koperasi dan syarikat pembiayaan mikro Islam tempatan dan asing juga melebarkan jangkauan kami, menjadikan hasil dagangan yoy berkembang sebanyak 3.9% kepada RM17.1 juta (2022: RM16.4 juta). Bagi tahun 2023, ADV BSAS kekal stabil pada RM45.1 bilion (2022: RM45.6 billion).

Daripada segi hasil bukan dagangan, Bursa Malaysia telah mencatatkan hasil data pasaran yang lebih tinggi sebanyak RM68.0 juta pada tahun 2023 (2022: RM60.8 juta), yang diterjemahkan kepada kadar pertumbuhan tahunan terkompau empat tahun sebanyak 15.2% dan membentuk 11.5% daripada keseluruhan hasil operasi (2022: 10.4%). Pada umumnya, prestasi yang lebih baik ini dikaitkan dengan peningkatan permintaan daripada pelanggan institusi dan runcit, yang berdaftar untuk pelesenan data pasaran hasil daripada program gabungan kami.



## Bursa Malaysia juga diiktiraf sebagai Bursa Peneraju di Asia dalam kesaksamaan gender bagi kepimpinan korporat.



### Pencapaian Tahun 2023

Prestasi Bursa Malaysia yang konsisten telah diiktiraf di *Billion Ringgit Club Awards* ke-14 oleh The Edge sebagai syarikat awam tersenarai dengan pulangan ekuiti yang tertinggi dalam tempoh tiga tahun dalam Kategori Perkhidmatan Kewangan (Permodalan Pasaran kurang daripada RM10 bilion). Bursa Malaysia juga diiktiraf sebagai Bursa Peneraju di Asia dalam kesaksamaan *gender* bagi kepimpinan korporat, berdasarkan pada Laporan *Gender Equality in Corporate Leadership Asia 2023* oleh *United Nations Sustainable Stock Exchange and International Finance Corporation*. Pengiktirafan dari luar negara ini jelas menunjukkan bahawa kami berada di atas landasan yang betul, dan menjadi penggalak untuk kami meningkatkan lagi prestasi sebagai sebuah organisasi dan sebuah pasaran.

# Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Berikut ialah ringkasan hasil dan inisiatif utama yang kami laksanakan untuk mengukuhkan perniagaan dan pasaran kami.

## Strategi Teras 1

### Pengembangan Produk

Pada tahun 2023, kami telah memperkenalkan kontrak niaga hadapan mata wang pertama kami, *Mini USD/CNH Futures (FCNH)*, yang diwujudkan melalui perjanjian pelesenan dengan Hong Kong Exchanges and Clearing. Sebagai produk pertama yang penting, FCNH membuka laluan bagi kontrak niaga hadapan mata wang yang berlainan. Malahan, produk baharu ini memberikan pelbagai faedah untuk peserta pasaran kami; memperkasakan perniagaan, pedagang dan pelabur mengemudi pasaran mata wang dengan yakin, mengurus risiko mata wang dan membuka peluang pertumbuhan. Seiring dengan itu, juga dalam suku keempat tahun 2023, kami menandatangani perjanjian dengan Dalian Commodity Exchange (DCE), yang menjadi titik tolak penting ke arah pelancaran *Bursa Malaysia DCE Soybean Futures Contract* pada tahun 2024. Ini merupakan produk kerjasama yang pertama antara bursa derivatif China dengan sebuah bursa Asian yang berpangkalan di luar negara China.

Sementara itu, kami menyaksikan permulaan dagangan kredit karbon sukarela di Bursa Carbon Exchange (BCX) pada tahun 2023. Dua kontrak karbon terpiawai telah diperkenalkan pada permulaan dagangan, iaitu Global Technology-Based Carbon Contract (GTC) dan Global Nature-Based Plus Carbon Contract (GNC+). Walaupun ia mengambil masa untuk pasaran karbon berkembang, minat yang dipamerkan pada BCX amat menggalakkan dengan permintaan yang diterima untuk mengembangkan lagi rangkaian produk alam sekitar kami.

Kemajuan ketara telah dicapai pada tahun ini ke arah membangunkan platform baharu yang lain, termasuk platform pengumpulan dana hutang BR Capital dengan kerjasama RAM Holdings Berhad, dan platform Bursa Gold Dinar (BGD). Platform BR Capital telah bersedia untuk kemasukan terpilih bagi penerbit dan pelabur pada bulan Disember 2023, sementara platform BGD dilancarkan pada bulan Januari 2024. Kedua-dua platform sudah bersedia untuk menyumbang dengan ketara kepada perluasan penawaran oleh Bursa Malaysia dan menarik peserta baharu ke dalam pasaran kami.

## Strategi Teras 2

Kami sentiasa percaya bahawa adalah sama pentingnya bagi kami untuk mengukuhkan asas pasaran dan ekosistem kerana ia adalah untuk kami memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu. Atas kepercayaan ini, kami melaksanakan inisiatif untuk merangsang kerancakan pasaran, memperbaiki profil dan keterlihatan PLCs, menggalakkan pertumbuhan dan penyertaan runcit, serta melebarkan jangkauan pasaran melalui inisiatif pendidikan dan infrastruktur. Contoh inisiatif tersebut termasuk permainan Burmon Trader yang dalam web, dan *Futures Trading Apprenticeship Programme*, yang mana kedua-duanya dilancarkan pada tahun 2023 dan masing-masing bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan di kalangan belia dan memupuk potensi peniaga derivatif.

Inisiatif penting yang sedang dilaksanakan ialah Program Transformasi PLC (PLC Transformation Programme, PLCT), yang dilancarkan pada tahun 2022 untuk mengukuhkan daya saing PLC dengan menggalakkan tindakan tadbir urus yang boleh membawa kepada prestasi syarikat yang lebih baik. Semenjak program ini dilancarkan, sebanyak 237 buah PLC telah mendaftar sebagai peserta pada akhir bulan Disember 2023. Berikutan dari menerbitkan lima buah buku panduan digital, kami telah memberi tumpuan untuk menyampaikan sesi pendidikan dan perkongsian amalan terbaik bagi menyokong dan memangkinkan tindakan peserta.

Untuk mempercepatkan fungsi perhubungan pelabur (IR) PLCs, kami telah melancarkan Program IR4U untuk menyokong dan meningkatkan keupayaan dan amalan-amalan IR PLCs serta meningkatkan profil dan keterlihatan PLCs kepada pelabur luar dan tempatan. Program IR4U terdiri daripada Portal IR4U — merupakan sumber dalam talian yang komprehensif — yang menawarkan webinar, artikel, dan buku panduan yang mencakupi trend dalam persekitaran IR.

Kami juga mempertingkatkan peraturan dan rangka kerja untuk memudahkan perkembangan pasaran dan mencergaskan semula pertumbuhan PLCs. Sebagai contoh, untuk meningkatkan kebolehpasaran dan daya tarikan pasaran ekuiti, kami telah memperkenalkan rangka kerja bagi penghijrahan penyertaan, yang membolehkan syarikat Pasaran LEAP yang layak untuk berhijrah ke Pasaran ACE. Syarikat Pasaran LEAP kini mempunyai pilihan pertumbuhan yang jelas, membolehkan mereka mendapat manfaat dari kumpulan pelabur yang lebih luas untuk mengumpul dana di Pasaran ACE. Seiring dengan rangka kerja ini, kami telah mengembangkan secara berperingkat peranan Penasihat Diluluskan yang layak



### Pembangunan Ekosistem

dalam Pasaran ACE (Penasihat Diluluskan Diiktiraf) untuk memudahkan pembinaan kapasiti dan keupayaan penasihat sedia ada.

Pada tahun 2023 ini, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama telah dipertingkatkan untuk memudahkan penawaran Amanah Pelaburan Hartanah Islam dan Dana Dagangan Bursa dengan ciri-ciri waqf. Peningkatan rangka kerja ini bukan sahaja menggalakkan pertumbuhan aset waqf dan kemampunan serta pelaburan bertanggungjawab (SRI), tetapi juga mengukuhkan lagi kedudukan Bursa Malaysia sebagai bursa Islam global yang terkemuka. Kami menjangkakan bahawa pembangunan ini, dan lain-lain yang akan dilaksanakan pada masa hadapan, akan menggalakkan penerbitan SRI dan produk patuh Syariah yang lebih besar pada tahun-tahun akan datang.

Di samping itu, Bursa telah meminda peraturannya pada tahun 2023 untuk menyelaraskan rangka kerja dagangan persendirian untuk peniaga harian persendirian (PDT) dan wakil peniaga bergaji yang berdagang untuk akaun pelaburan (IVT). Pindaan peraturan ini memudahkan rangka kerja yang mentadbir peniaga kami, dan meningkatkan kecekapan operasi bagi Organisasi Peserta (POs) dan pengawal selia.

Kemampunan kekal dalam tumpuan kami, dan kami terus berusaha untuk membangunkan ekosistem kemampunan, termasuk infrastruktur, alatan dan keupayaan. Bursa Malaysia telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk menerapkan lagi kemampunan ke dalam pasaran kami. Ini termasuklah memudahkan peralihan kemampunan oleh syarikat-syarikat Malaysia secara proaktif dengan membangunkan Platform CSI untuk PLCs dan syarikat tidak tersenarai, yang dijangkakan menjadi repositori bagi data ESG yang diseragamkan untuk memudahkan pelaporan yang konsisten dan akses kepada pembiayaan.

Kami juga membolehkan pelaksanaan pelan-pelan nasional termasuk NETR, dan penerimaan rangka kerja i-ESG yang dibangunkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk perusahaan sederhana kecil (SMEs). Bursa Malaysia berusaha untuk memacu perubahan yang bermakna dengan bursa dan rakan strategik lain. Usaha kami termasuklah menerajui ekosistem berkaitan ESG antara wilayah dengan Indonesia Stock Exchange, Stock Exchange of Thailand, serta Singapore Exchange. Pada tahun 2023, kami mempengerusi *United Nations Sustainable Stock Exchanges Advisory Group on Carbon Markets* secara bersama.

### Strategi Teras 3 — Pembinaan Kapasiti dan Keupayaan

Bursa beroperasi dalam persekitaran yang sangat dinamik yang mana sebarang perubahan mungkin mempunyai kesan sistemik ke dalam seluruh organisasi kami. Untuk memastikan keterkaitan dan jenama Bursa terus dipercayai, kami sentiasa mengambil langkah untuk memperkukuh kapasiti dan keupayaan kami. Kami terus melabur dalam teknologi untuk mempertingkatkan daya tahan sistem dan aplikasi infrastruktur teras kami. Kami percaya bahawa aplikasi teknologi harus sentiasa sesuai dan bertepatan dengan tujuan. Pelaburan dalam teknologi juga dibuat untuk memberikan pengalaman pelanggan (CX) yang lebih lancar melalui pelbagai interaksi, meningkatkan kepuasan pelanggan secara keseluruhan dengan produk dan perkhidmatan kami.

Akhir sekali, kami terus mempersiapkan dan memanfaatkan aset yang paling penting iaitu kakitangan kami, dengan meningkatkan kemahiran dan membentuk mereka dengan budaya organisasi yang kami inginkan. Ini termasuklah usaha berterusan untuk mengukuhkan kecekapan teknikal fungsi utama, untuk memenuhi objektif strategik Bursa Malaysia dan permintaan pasaran. Kami menyedari bahawa budaya korporat dan nilai yang kukuh penting untuk memberikan kesan perniagaan yang ketara. Pada tahun 2023, kami terus menumpukan pada memupuk nilai teras BURSA iaitu Berani – Sepakat – Bertanggungjawab – Sinergi – Tangkas, dicipta untuk mendorong kakitangan ke arah merealisasikan aspirasi kami sebagai Bursa Pelbagai Aset.

# Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

## Melangkah Ke Hadapan

Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, tumpuan kami adalah dalam menyediakan komponen-komponen penting – memanfaatkan teknologi dan bakat – untuk kami beralih ke arah menjadi Bursa Pelbagai Aset. Dalam tempoh tiga tahun akan datang, kami akan membina perniagaan baharu – terutama sekali melalui BCX, BGD dan platform pengumpulan dana hutang BR Capital, di samping mengekalkan tumpuan pada teras perniagaan pasaran modal kami. Penglibatan kami di dalam kedua-dua matlamat ini adalah strategik dan terancang, kerana penawaran adalah sangat berkaitan dengan keperluan perniagaan dan pelabur.

Fasa seterusnya bagi perjalanan pertumbuhan kami akan berlandaskan Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, yang terdiri daripada lima Tonggak Strategik, tiga Strategi Teras dan dua Pemboleh Utama.



Walau pun meluaskan produk dan perkhidmatan serta pembangunan ekosistem akan terus kekal sebagai keutamaan penting, saya ingin menekankan CX sebagai strategi teras baharu untuk Bursa. Ini mencerminkan komitmen kami untuk menerapkan penyampaian perkhidmatan yang unggul untuk menarik, terlibat dan memenuhi kehendak pelanggan kami.

Kedudukan kami yang dipertingkatkan sebagai Bursa Pelbagai Aset, ditambah dengan fokus CX dan analisis data yang mantap, meletakkan kami di kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berubah, dan menjana nilai yang lebih tinggi untuk pihak berkepentingan kami. Kami percaya bahawa produk, penawaran dan bidang pengaruh kami seharusnya mencerminkan perubahan persekitaran operasi kami, untuk membuka potensi sepenuhnya untuk kami sebagai pasaran yang dipercayai.

## Penghargaan

Bagi pihak kumpulan Pengurusan Bursa Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan kami – termasuk Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah kami, kakitangan, peserta pasaran, dan rakan industri. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian dan agensi kerajaan yang telah bekerjasama dan terlibat dalam misi kami untuk berkhidmat dengan lebih baik kepada negara. Sokongan dan dedikasi semua rakan industri telah memainkan peranan penting dalam usaha kami Mewujudkan Peluang, Meningkatkan Nilai. Di dalam masa kami menjalani fasa pertumbuhan seterusnya sebagai Bursa Pelbagai Aset yang kompetitif, kami kekal komited untuk mengembangkan dan meningkatkan perkhidmatan kami kepada pangkalan pelabur yang lebih luas dan untuk menyokong aktiviti pelabur, perdagangan dan pengumpulan dana dengan lebih baik.



**Datuk Muhamad Umar Swift**  
Ketua Pegawai Eksekutif